



Persatuan Suri Dan Anggota Wanita Perkhidmatan Awam

Cawangan Negeri Selangor

Alamat : d/a Tingkat 19, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor,
Bangunan SSAAS, 40503 Shah Alam

Tel: 03-55447000 Laman Web: puspanita.selangor.gov.my

Ruj. Kami : PNT.Sel.Sekrt.100-8/1/1 (31)

Tarikh : 1 September 2023

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

SENARAI EDARAN:

Semua Ketua Jabatan Negeri / Persekutuan Negeri Selangor

Semua Pegawai Daerah / Tanah Negeri Selangor

Semua Datuk Bandar / Yang Dipertua Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor

Semua Setiausaha Bahagian / Timbalan Pengarah / Ketua Penolong Setiausaha
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor

Pengerusi / Timbalan Pengerusi,
PUSPANITA Daerah, Negeri Selangor

Ahli-ahli PUSPANITA Negeri Selangor

YB Dato'/YAD Dato' Setia/YAA Dato'/YBhg. Dato'/SS Dato'/YBrs. Dr./YBhg.
Datin/Tuan/Puan,

JEMPUTAN KE KARNIVAL PUSPANITA NEGERI SELANGOR: WANITA MADANI TAHUN 2023

Dengan segala hormatnya izinkan saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa PUSPANITA Negeri Selangor akan mengadakan Karnival PUSPANITA Negeri Selangor: Wanita Madani Tahun 2023. Majlis perasmian penutup dan penyampaian hadiah akan disempurnakan oleh **YABhg. Datin Seri Masdiana Muhamad, Penaung PUSPANITA Negeri Selangor**. Butiran karnival adalah sepertimana ketetapan berikut:

Tarikh: 15 September 2023 (Jumaat)
Masa: 9.00 pagi – 5.00 petang
Tempat: Bankuet, Dewan Jubli Perak
Sultan Abdul Aziz, 40503 Shah Alam
Atur Cara: Lampiran A

JEMPUTAN KE KARNIVAL PUSPANITA NEGERI SELANGOR: WANITA MADANI TAHUN 2023

3. Untuk makluman, program ini terbuka kepada semua ahli PUSPANITA di Negeri Selangor. Antara aktiviti yang akan dilaksanakan merangkumi **Sesi Perkongsian Ilmu, Program Derma Darah, Pemeriksaan Kesihatan Percuma, Pertandingan Dekorasi Kek, Kuiz Kahoot serta Jualan Keusahawanan.** Kerjasama pihak YB Dato'/YAD Dato' Setia/YAA Dato'/YBhg. Dato'/SS Dato'/YBrs. Dr./YBhg. Datin/Tuan/Puan adalah dimohon untuk memanjangkan hebahan karnival ini kepada wargakerja di jabatan / ahli-ahli puspanita cawangan kecil masing-masing.

4. Sehubungan itu, PUSPANITA Negeri Selangor berbesar hati ingin menjemput semua ahli PUSPANITA Negeri Selangor untuk hadir ke program ini. Para peserta diminta untuk mendaftar bagi menghadiri seminar dan pertandingan. Sijil Penyertaan dan hadiah menarik disediakan kepada para peserta. Pautan pendaftaran adalah di **Lampiran B.**


5. Bersama-sama ini dilampirkan Surat Permohonan Kelulusan dan Pelepasan Waktu Bertugas bagi menghadiri program tersebut. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan sila hubungi saya di talian 0122969077 atau Puan Nur Alina Arni binti Md Morni di talian 0193443344.

Kerjasama dan kesudian pihak YB Dato'/YAD Dato' Setia/YAA Dato'/YBhg. Dato'/SS Dato'/YBrs. Dr./YBhg. Datin/Tuan/Puan dalam menjayakan **Karnival PUSPANITA Negeri Selangor: Wanita Madani Tahun 2023** amatlah dihargai dan saya dahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian dimaklumkan.

"Wanita Sepakat Negara Meningkatkan"

Saya yang menjalankan amanah,



(FARA MAZWINA BINTI AHMAD FAROK) A.M.S
Setiausaha PUSPANITA Negeri Selangor
b.p. Pengerusi PUSPANITA Negeri Selangor

s.k. YBhg. Datin Hajah Padiah binti Safian,
Pengerusi PUSPANITA Negeri Selangor

TENTATIF KARNIVAL PUSPANITA NEGERI SELANGOR: WANITA MADANI TAHUN 2023

TARIKH: 15 SEPTEMBER 2023 (JUMAAT)

TEMPAT: BANKUET, DEWAN JUBLI PERAK SULTAN ABDUL AZIZ, SHAH ALAM

- 8.30 pagi : Pendaftaran Peserta/Ahli PUSPANITA Negeri Selangor
- 9.00 pagi : Ketibaan Pengerusi PUSPANITA Negeri Selangor
- 9.15 pagi : Ucapan Alu-aluan oleh YBhg. Datin Padiah binti Safian
Pengerusi PUSPANITA Negeri Selangor
- 9.30 pagi : Bacaan Doa
- 9.45 pagi : Pertandingan Menghias Kek
- 10.00 pagi : Sesi Perkongsian Ilmu: Wasiat dan Hibah oleh:
YBrs. Ustaz Indera Shahril bin Mohd
Pengarah Baitulmal, Majlis Agama Islam Selangor
- 10.45 pagi : Sesi Perkongsian Ilmu: Jom Kongsi Kejayaan oleh:
YBhg. Dato' Chef Fazley Yaakob
Chef/Usahawan/Selebriti
- 12.00 tengahari : Kuiz KAHOOT
- 1.00 petang : REHAT & JAMUAN MAKAN**
- 2.30 petang : Ketibaan Penaung PUSPANITA Negeri Selangor
- 2.45 petang : Ucapan Perasmian Penutup oleh
YABhg. Datin Seri Masdiana binti Muhamad
Penaung PUSPANITA Negeri Selangor
- 3.00 petang : Sesi Perkongsian Ilmu: Anggun, Sihat & Cergas Cara
Bonda Rozita oleh Bonda Rozita Ibrahim
- 4.30 petang : Sesi Penyampaian Penerima Anugerah Kecemerlangan
Pelajar Tahun 2022 PUSPANITA Negeri Selangor
- : Sesi Penyampaian Hadiah
- Cabutan Bertuah
 - Pertandingan Menghias Kek
 - Kuiz KAHOOT
- : Jamuan Teh
- 5.00 petang : Majlis Bersurai



PENDAFTARAN SEMINAR KARNIVAL PUSPANITA SELANGOR TAHUN 2023

